

## Golongan Susah Perlu Manfaat Program Bantuan

**Hasleen Bachik**

**Berita Harian**, 4 May 2015

Program rangkaian sokongan bagi keluarga berpendapatan rendah Melayu/Islam kendalian Yayasan Mendaki, Keluarga Akrab (FEC), berusia 10 tahun pada tahun ini. Laporan Mendaki mengenai program itu disiapkan baru-baru ini. HASLEEN BACHIK (hasleen@sph.com.sg) memaparkan rumusan laporan tersebut dan dua contoh peserta FEC yang ditukil dalam laporan itu.

Kaum lelaki daripada keluarga tersebut digalak lebih aktif sertai perbincangan dan usaha perkasa keluarga

LEBIH banyak keluarga Melayu/Islam berpendapatan rendah harus digalak menyertai rangkaian sokongan kendalian Yayasan Mendaki, Keluarga Akrab (FEC), kerana program itu "berupaya membawa manfaat besar".

Selain itu, lebih ramai lelaki keluarga berpendapatan rendah Melayu/Islam perlu tampil memperkasa keluarga masing-masing kerana mereka tunggak kemajuan keluarga.

Itulah antara rumusan dua ahli hal ehwal keluarga dalam laporan Mendaki mengenai program FEC yang mereka tulis bertajuk Empowering Low-Income Families: Documenting the Contributions of Family Excellence Circles (FEC) (Memperkasa Keluarga Berpendapatan Rendah: Mendokumentasikan Sumbangan Keluarga Akrab).

Dua ahli itu ialah Dr Mathew Mathews, zamil penyelidikan kanan Institut Pengajian Dasar (IPS), Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew, Universiti Nasional Singapura (NUS); dan Cik Cynthia Chan Su Yin, ketua pusat yang juga pakar psikologi di pertubuhan kebajikan sukarela Alive Community Network.

Dr Mathews dan Cik Chan merumuskan bahawa hasil wawancara dan perbincangan kumpulan fokus yang mereka adakan bersama peserta FEC memberi mereka "cukup keyakinan bahawa sebagai program memperkasa, FEC berupaya membawa manfaat besar kepada keluarga berpendapatan rendah".

"Kekuatan FEC ialah hakikat bahawa ia menyatukan keluarga Melayu/Islam berpendapatan rendah supaya berusaha dengan matlamat mencapai daya tahan lebih.

"Kekuatan kumpulan ini dalam memberi motivasi kepada anggotanya ke arah matlamat mencabar dan membantu mereka kekal komited pada pendidikan anak-anak adalah luar biasa," ujar mereka.

Menurut Dr Mathews dan Cik Chan, daripada sekadar tenggelam dalam kekurangan mereka dan melihat diri mereka tidak berupaya menangani kehidupan, keluarga peserta FEC menerima peranan mereka dalam memperbaiki sendiri kehidupan masing-masing dan orang lain dalam masyarakat.

Memandang FEC berpotensi besar membantu keluarga berpendapatan rendah Melayu/Islam, mereka antara lain menyarankan agar program tersebut diperluas.

"FEC harus dipopularkan.

"Ia boleh memberi kesan penting atas keluarga berpendapatan rendah, paling ketara dalam menggerakkan mereka jauh daripada membincangkan tentang ketakupayaan mereka.

"Oleh sebab itu, strategi bantuan dalam masyarakat Melayu/Islam harus termasuk perbincangan tentang kebaikan menyertai FEC.

"FEC sedia ada harus digalakkan membantu menyebarkan tentang manfaat program tersebut," ujar mereka.

Di samping itu, mereka menyatakan harus ada usaha bersepadu meyakinkan kaum lelaki Melayu/Islam bahawa penyertaan mereka dalam FEC adalah genting.

"Walaupun mengharukan bahawa terdapat beberapa lelaki yang komited kepada usaha memperkasa keluarga mereka menerusi FEC, kekurangan penyertaan lelaki yang besar nyata dalam kebanyakan kumpulan," kata Dr Mathews dan Cik Chan.

Mereka berkata ini mungkin kerana kaum lelaki tidak bersedia menyertai kumpulan yang digerakkan oleh wanita atau tidak selesai mengongsi isu emosi mereka dalam kumpulan bercampur lelaki dan wanita.

"Oleh itu, mungkin perlu dicari cara baru untuk menjalankan perkongsian dalam FEC dalam cara yang membolehkan kaum lelaki menyertainya dengan selesai.

"Penyertaan mereka boleh memainkan satu peranan besar dalam kemajuan keluarga Melayu berpendapatan rendah," tekan Dr Mathews dan Cik Chan.

Mengenai FEC sendiri, mereka menyatakan untuk terus meninggalkan kesan dalam masyarakat, ia perlu memupuk kepimpinan kerana fasilitator memainkan peranan penting dalam membimbing anggota sesebuah FEC dan dalam memastikan mereka terus memberi tumpuan ke arah mencapai kemajuan.

Walaupun sekarang ada rangka kerja bagi melatih pemimpin FEC, latihan tersebut sangat asas, dan harus dipertingkatkan.

"Kejayaan masa depan FEC banyak ditentukan oleh keupayaan mereka melatih pemimpin baru dan fasilitator yang akan mempunyai semangat dalam usaha memperkasa diri melalui FEC," kata mereka.

Dr Mathews dan Cik Chan juga mendapati walaupun sebahagian FEC memaksimumkan masa mencapai beberapa matlamat, seperti kemahiran keibubapaan lebih baik, pembangunan anak dan peningkatan diri, ada tidak mempunyai matlamat holistik.

Mereka berkata adalah penting membantu semua FEC sedar bahawa struktur program mereka berpotensi mencapai hasil baik.

Selain itu, mereka merumuskan sifat FEC yang homogen (serupa) bermakna lebih sukar bagi pesertanya memupuk dan menjalin hubungan di luar lingkungan mereka, yang genting bagi mobiliti sosial.

Dalam hal ini, strategi di mana keluarga dan sukarelawan lebih berjaya dapat bercampur gaul dengan keluarga berpendapatan rendah FEC mungkin boleh membantu.

Sekarang terdapat penekanan agar mereka yang telah menikmati faedah daripada sistem di negara ini menyumbang kembali kepada masyarakat.

Oleh sebab itu, ada daripada orang yang telah berjaya bersedia berbakti menjadi jambatan bagi keluarga berpendapatan rendah dalam FEC, ujar mereka.